

Pemikiran Fiqh Mahmud Yunus

Fiqh Thought of Mahmud Yunus

EFICANDRA MASRIL
MOHD. NASRAN MOHAMAD
MUHAMMAD ADIB SAMSUDIN
ANWAR FAKHRI OMAR

ABSTRAK

Peranan Mahmud Yunus amat terserlah dalam perkembangan dan pembaharuan Islam di Indonesia melalui perbuatan dan pemikirannya, tetapi beliau hanya popular sebagai tokoh pendidikan dan kurang popular sebagai tokoh dalam bidang lain, terutama sebagai tokoh fiqh. Objektif kajian adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti riwayat hidup Mahmud Yunus serta memaparkan, menonjolkan, dan menganalisis pemikiran fiqhnya sebagai salah satu representasi daripada fiqh ulama Indonesia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data utama diperolehi daripada karya-karya fiqh Mahmud Yunus, manakala data sokongan terdiri daripada kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari serta sumber lain yang bersesuaian, kemudian dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan (content analysis) melalui kaedah deskriptif, analitis dan perbandingan. Selain itu, data juga diperolehi daripada pelbagai informan melalui temu bual (indepth interview), kemudian dianalisis, dibahas dan dibentangkan dalam bentuk laporan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa Mahmud Yunus adalah seorang ulama perintis Islam di Indonesia. Di samping popular sebagai tokoh pendidikan, beliau juga boleh dianggap sebagai seorang ulama/mujtahid di Indonesia. Ini dapat dilihat daripada karya-karya, pengalaman antarabangsa, kebolehan lain serta pengakuan ulama terhadapnya. Pemikiran fiqhnya menunjukkan bahawa Mahmud Yunus membahaskan pelbagai aspek kajian dan kandungan dalam ilmu fiqh, terutama yang bersifat asas dan praktikal. Perbahasan fiqh dan contoh yang didedahkan oleh beliau dikemukakan dengan bahasa yang sederhana dan senang difahami selari dengan tahap, tujuan, dan peruntukan karya tersebut. Fiqh isu semasa juga turut menjadi perhatian dalam perbincangannya. Sikap moderat dan terbuka terhadap perbezaan madhhab dapat dilihat dalam penulisan karya-karya fiqh Mahmud Yunus. Rujukan, perbandingan, pandangan, dan ulasan beliau tidak hanya terhad antara empat madhhab sahaja, tetapi diluaskan kepada madhhab lain. Selain itu, beliau juga mengambil pendapat ulama kontemporari dunia untuk dianalisis bagi mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudaratannya kepada umat. Seterusnya, pemakaian kaedah fiqhiyyah yang relevan dan muktabar menjadi keutamaan Mahmud Yunus dalam menyokong pemikiran fiqhnya.

Kata kunci: Pemikiran; fiqh; Mahmud Yunus; pembaharuan; Indonesia

ABSTRACT

The role of Mahmud Yunus is very prominent in the development and reformation of Islam in Indonesia through his pace and mind, but he only popular as a man of education and less popular as a leader in other area of study, particularly as a leader who understands jurisprudence. The objective of this study is to determine and identify the life of Mahmud Yunus and to display, highlight, and analyze his thinking of fiqh as a representation from the Indonesian scholars of fiqh. This study is a qualitative study. The main data obtained from the fiqh works of Mahmud Yunus, while supporting data consist from the books of classic and contemporary jurisprudence and other resources that are appropriate, and then was analyzed with content analysis techniques (content analysis) through descriptive, analytical and comparative methodology. Furthermore, data were also obtained from various informants through interviews (indepth interview), then was analyzed, worked on shows and presented in a report using descriptive methodology. As a results show that Mahmud Yunus is a scholar of Islamic reformers in Indonesia. In addition, as popular as an educational leader, he also can be called as a scholar / mujtahid in Indonesia. This can be seen from the papers, international experience, capacity and other scholars confession to him. His thought of Fiqh shows that Mahmud Yunus discusses various aspects of research and content in the knowledge of fiqh, especially in areas of fundamental and practical. Debate jurisprudence with such magnitude was presented with simple and easy to understand language parallel with the form, purpose, and provision of the work. Fiqh current issues / contemporary also get his attention in discussion. Moderate and open attitude towards different sects can be seen in his written of fiqh literature. His reference, comparison, views, and comments should not be limited between the four sects only, but sometimes extends to other sects. Furthermore, he also collecting the opinions of world scholars contemporary on a regular basis in order to analyze it for creating goodness and rejecting harm to

people. Then, the application on relevant and muktabar of fiqhīyyah rules be taken as a priority by Mahmud Yunus in supporting his thought of fiqh.

Keywords: Thought; fiqh; Mahmud Yunus; reform; Indonesia

PENGENALAN

Fiqh yang wujud kini, bukanlah *al-din* yang tidak boleh diubah oleh sesiapa pun. Tetapi sebaliknya, fiqh tersebut sentiasa dalam proses evolusi. Apabila zaman dan keadaan mengalami perubahan, ia juga harus berubah. Sebagaimana yang telah diakui dalam kaedah usul, iaitu:

الحکم يدور مع العلة وجوداً وعدماً

Maksudnya: Hukum tersebut beredar/berubah sesuai dengan ada dan tidak adanya '*illah*'.

Dalam kaedah ini sangat jelas kemungkinan wujudnya perubahan dalam ketentuan-ketentuan fiqh mengikut kesesuaian ruang dan waktu serta ketetapan hukum. Begitu juga dengan kaedah yang diungkapkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah:

تَغْيِيرُ الْفَتْوَى وَ إِخْتِلَافُهَا بِحسبِ تَغْيِيرِ الْأَزْمَنَةِ وَالْأَمْكَنَةِ
وَالْأَحْوَالِ وَالنِّيَاتِ وَالْعَوَادِ

Maksudnya: Berubah dan berbezanya fatwa sesuai dengan perubahan zaman, tempat, keadaan sosial, niat dan adat kebiasaan.

Kaedah yang dirumuskan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah di atas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang dapat dijadikan acuan dalam menilai berlakunya perubahan fatwa/fiqh, iaitu faktor zaman, tempat, keadaan sosial, niat dan adat kebiasaan (*‘urf*).

Oleh itu, berlakunya perkembangan dan pembaharuan Islam adalah sesuatu kemestian, termasuk pembaharuan dalam aspek fiqh. Disebabkan itu, pelbagai karya/buku dan pemikiran fiqh muncul selari dengan dinamika masyarakat, situasi dan keadaan tempat masyarakat itu berada.

Di Indonesia, Mahmud Yunus dinilai sebagai salah seorang tokoh yang turut berperanan dalam perkembangan dan pembaharuan Islam. Hal ini dilihat daripada perbuatannya sebelum dan selepas kemerdekaan Indonesia. Bahkan beliau dinilai sebagai salah seorang tokoh di Indonesia yang termasuk dalam golongan pejuang kemerdekaan dalam bidang pendidikan. Kemasyhurannya sebagai tokoh pendidikan Islam di Indonesia juga dilihat daripada idea dan peranannya dalam mendirikan serta

memimpin pelbagai institusi pendidikan di Indonesia. Dari sudut lain, peranan Mahmud Yunus dalam perkembangan dan pembaharuan Islam di Indonesia juga ialah menghasilkan pemikiran dan karya-karya dalam pelbagai disiplin ilmu dalam Islam, sama ada dalam bahasa Indonesia maupun dalam bahasa Arab. Contohnya dalam bidang pendidikan Islam, bahasa arab, tafsir, akhlak, tauhid, fiqh, usul fiqh, sejarah dan lain-lain. Buku-bukunya tersebar ke semua peringkat pengajian dan pendidikan, khususnya di Indonesia. Buku-buku tersebut juga menjangkau hampir ke setiap lapisan masyarakat bermula dari buku-buku untuk golongan pelajar dan masyarakat awam dengan bahasa yang ringan dan sederhana sehingga kepada literatur dan rujukan untuk mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi.

Menurut hemat penyelidik, kepopularan Mahmud Yunus sebagai seorang tokoh pendidikan Islam, tidaklah selari dengan kepopularan beliau sebagai seorang ulama yang menguasai fiqh/hukum Islam di Indonesia. Walaupun terdapat banyak perkara dan petanda yang menunjukkan bahawa beliau boleh dikatakan sebagai seorang ulama di Indonesia yang menguasai fiqh/hukum Islam dan kaedah *istinbat* hukumnya.

Antara alasan yang menunjukkan bahawa Mahmud Yunus adalah seorang yang menguasai fiqh/hukum Islam ialah terdapat banyak hasil pemikiran dan karya-karyanya dalam bidang fiqh. Karya-karya fiqhnya setakat ini tetap digunakan sebagai rujukan di pelbagai madrasah, pondok, bahkan juga institusi pengajian tinggi di Indonesia. Sehingga kini, jumlah karya-karya Mahmud Yunus dalam bidang fiqh tersebut adalah sebanyak 17 buah.

Kelebihan sebagai seorang yang menguasai fiqh/hukum Islam, Mahmud Yunus juga berkesempatan menghadiri Sidang *Majlis A‘la Istishariyy Al-Jami‘ah Al-Islamiyyah* di Madinah pada bulan April 1962 atas jemputan Yang Mulia Raja Sa‘ud yang diterimanya melalui Kedutaan Besar Arab Saudi di Jakarta. Kemudian beliau aktif menyertai *Mu’tamar Majma‘ Buhuth al-Islamiyyah* di Universiti Al-Azhar yang berlangsung di Mesir sebanyak empat kali berturut-turut iaitu pada tahun 1964, 1965, 1966 dan 1967. Dalam Muktamar tahun 1967, Mahmud Yunus membentangkan kertas kerja yang berjudul *Al-Israeliyyat fi al-Tafsir wa al-Hadith* yang mendapat sambutan dan perhatian daripada peserta.

Pada tahun 1969 M, Mahmud Yunus telah dijemput untuk menghadiri *Majlis A'la Istishariyy Al-Jami'ah Al-Islamiyyah* di Madinah Munawwarah. Kegiatan Mahmud Yunus di pertemuan antarabangsa itu telah menjadikan beliau semakin menonjol sebagai salah seorang tokoh Islam yang popular di Indonesia disokong pula dengan pengalaman-pengalaman antarabangsa yang diperolehnya daripada kegiatan-kegiatan tersebut.

Sebagai contoh pemikiran fiqh Mahmud Yunus yang dikemukakan oleh penyelidik ialah penentuan hukum tentang pembahagian harta warisan di Minangkabau (Sumatera Barat, Indonesia). Menurut Mahmud Yunus, harta warisan yang dapat dibahagi berdasarkan faraid Islam adalah harta warisan kepunyaan (milik) seseorang yang diperolehi dengan cara usaha keras, atau dengan cara hibah, sedekah, dan sebagainya. Manakala harta warisan yang diperolehi melalui harta pusaka, maka ia tidak dibahagi berdasarkan faraid Islam kerana harta tersebut bukan kepunyaan (milik) seseorang, tetapi kepunyaan (milik) masyarakat. Seseorang tidak boleh menjual atau menghibahkan harta pusaka tersebut dan juga tidak boleh menggadaikannya kecuali dengan izin semua ahli waris menurut ketentuan adat Minangkabau.

Di samping itu, kebolehan Mahmud Yunus sebagai seorang yang memahami fiqh/hukum Islam juga diperakui oleh Buya Hamka (ulama terkemuka nusantara yang terkenal). Menurutnya, Mahmud Yunus dikenali juga sebagai seorang ulama dari suku minang/minangkabau. Pengakuan Buya Hamka tersebut diungkapkan ketika beliau menulis bukunya. Hamka merujuk hasil pemikiran Mahmud Yunus yang pernah dibentangkan dalam bentuk kertas kerja sewaktu seminar di Padang tahun 1968 M yang bertajuk "Harta Tua dan Harta Pusaka Tinggi Minangkabau." Ungkapan Hamka adalah seperti berikut:

Dalam seminar itulah, Prof. Mahmud Yunus memberikan anjuran agar orang-orang yang mempunyai banyak harta pencahanian memberikan juga wasiat, agar harta pusaka tinggi itu *dilambuk* (diperbesar, ditambah) juga, jangan sampai habis kerana berkembangnya anak buah, Prof. Mahmud Yunus dikenal juga sebagai seorang ulama anak Minang.

Berdasarkan huraiyan permasalahan kajian di atas, bagaimakah corak pemikiran fiqh Mahmud Yunus dikenalpasti? Bagi menjadikan perbahasan dan kajian ini terarah, maka objektif kajian difokuskan pada hal-hal seperti berikut:

1. Untuk mengetahui dan mengenal pasti biodata Mahmud Yunus.
2. Untuk memaparkan, menonjolkan, dan menganalisis pemikiran fiqh Mahmud Yunus sebagai salah satu contoh dan representasi daripada fiqh ulama Indonesia.

Untuk mendapatkan hasil secara ilmiah dan agar penyelidikan yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan baik dan sesuai dengan proses keilmuan, maka kajian ini menggunakan bentuk kajian kualitatif. Sumber datanya terdiri daripada:

1. Sumber data utama; buku-buku fiqh karya Mahmud Yunus sejumlah 17 buah, sebagaimana yang disenaraikan dalam rujukan.
2. Sumber data bukan utama (data sokongan) terdiri daripada;
 - a. Kitab-kitab fiqh yang bersifat klasik dan kontemporari, serta sumber-sumber lain yang bersesuaian.
 - b. Bab dalam buku dan artikel-artikel yang terdapat dalam jurnal.
 - c. Maklumat dan akhbar daripada data yang diperolehi dalam internet yang berhubung kait dengan Mahmud Yunus dan fiqh.
 - d. Informan, iaitu; keluarga dan tokoh-tokoh lain yang pernah berinteraksi dengan Mahmud Yunus, terutama dalam bidang pemikiran fiqh sama ada yang berkait dengan kehebatan dan kemampuan fiqh tokoh yang diteliti mahupun konteks sosial yang melingkupi kehidupannya. Ini kerana pemikiran seseorang akan dipengaruhi oleh masa dan tempat atau keadaan sosial masyarakatnya.

Manakala teknik pengumpulan data yang digunakan di samping sejumlah buku-buku karya fiqh Mahmud Yunus dan buku-buku fiqh lain yang bersifat klasik dan kontemporari ialah temu bual mendalam (*indepth interview*) dengan beberapa informan. Di samping itu juga dilakukan penelitian bahan dokumentasi yang berhubung kait dengan penyelidikan ini.

Berdasarkan analisis, buku-buku fiqh karya Mahmud Yunus dikumpulkan dan kemudian dibahas dengan menggunakan teknik analisis kandungan (*content analysis*) melalui kaedah deskriptif, analitis dan perbandingan. Selain itu, data yang diperolehi daripada temu bual mendalam (*indepth interview*) dengan beberapa informan dianalisis, ditelaah dan dibentangkan dalam bentuk laporan yang berbentuk deskriptif bersama dengan data yang diperolehi

daripada bahan-bahan rujukan yang relevan dengan penyelidikan ini.

Seterusnya tinjauan literatur dalam kajian ini, menurut hemat penyelidik, telah banyak penelitian/penyelidikan lain yang telah dilakukan tentang Mahmud Yunus sebagai seorang tokoh di Indonesia. Setakat ini, menurut pengamatan penyelidik ada beberapa penyelidikan yang berhubung kait dengan tajuk ini. Antaranya adalah: Howard M. Federspiel (1993), (Akademik Centre, Koleksi Makalah (2008), (Eddy Pranata (2008), Zumardi (2009), Armai Arief (2009) dan Ramayulis & Samsul Nizar (2010).

Howard M. Federspiel (1993) menganalisis satu aspek tradisi keilmuan muslim Indonesia, iaitu pembelajaran tentang al-Quran sebagai sumber asas ajaran Islam. Mahmud Yunus termasuk antara warga Indonesia yang mula-mula menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Indonesia dan selanjutnya menulis penafsirannya. Karya tafsirnya “*Tafsir Qur'anul Karim*” merupakan karya tafsir generasi kedua di Indonesia di samping karya tafsir lain seperti karya Ahmad Hasan yang berjudul *Al-Furqan* dan karya Hamidy yang berjudul *Tafsir Al-Qur'an*. Tafsir yang ditulis Mahmud Yunus tetap menjadi literatur tentang Islam yang paling popular di Indonesia sehingga kini walaupun telah lahir karya-karya lain yang lebih mendalam dan lebih ilmiah.

Selanjutnya, menurut Mahmud Yunus (Akademik Centre, Koleksi Makalah) perkara yang paling penting dalam penafsiran adalah menerangkan dan menjelaskan petunjuk-petunjuk yang termaktub dalam al-Quran untuk diamalkan oleh kaum Muslimin khususnya dan seluruh umat manusia umumnya sebagai petunjuk universal. Ini kerana petunjuk-petunjuk tersebut merupakan tujuan utama Kitab Suci al-Quran diturunkan. Karya beliau dalam bidang tafsir ialah “*Tafsir Qur'anul Karim*”. Dalam tafsir tersebut terdapat sistematik tafsir, sistematik penafsiran, sumber-sumber tafsir yang dijadikannya rujukan, kaedah dan corak tafsir serta keistimewaan *Tafsir al-Qur'anul Karim* Mahmud Yunus. Oleh sebab itu, *Tafsir al-Quran* Mahmud Yunus ini mudah untuk dipelajari dan difahami kerana di dalamnya terdapat kategori-kategori kitab tafsir dan beberapa kesimpulan yang memudahkan kita untuk mengetahui isi kandungan tafsir tersebut secara keseluruhan daripada isi al-Quran. Antaranya adalah berkaitan keimanan, hukum-hukum, petunjuk/pelajaran, akhlak, ekonomi dan ilmu pengetahuan yang diterangkan dengan *ijmal* (kesimpulan) sahaja.

Pembaharuan dalam bidang pengajaran bahasa Arab menurut Mahmud Yunus (Eddy Pranata 2008) bukan hanya menekankan bahasa Arab secara teori,

tetapi juga menunjukkan bagaimana cara secara moden bagi para pelajar untuk menguasai bahasa tersebut dengan cepat dan senang. Selain itu, menurut Mahmud Yunus, tujuan pengajaran bahasa Arab bukan hanya berorientasikan tatabahasa, memahami teks dan menterjemahkan bahasa Arab tetapi juga mesti mempunyai kemampuan untuk mendengar dan berkomunikasi dalam bahasa Arab secara langsung (*tariqah al-mubāsyirah*). Apatah lagi menjadikan hubungan masyarakat Indonesia dengan negara-negara timur tengah terus mengalami peningkatan. Pembaharuan dalam bidang ini masih berkait dengan pembaharuan dalam bidang pendidikan secara umum. Idea ini timbul mungkin kerana keadaan statik dalam pengajaran bahasa Arab semasa itu yang hanya menekankan pada aspek penguasaan teori dan bersifat tradisional.

Dalam bidang pendidikan Islam di Indonesia, Mahmud Yunus (Zulmardi 2009) sentiasa mengeluarkan idea-idea pembaharuanya sekaligus mempraktikkannya. Pembaharuan tersebut meliputi aspek institusi dalam bentuk keterbukaan pendidikan bagi sesiapa sahaja, pendirian pelbagai institusi pendidikan agama Islam serta pelaksanaan program pendidikannya. Manakala aspek metode dan sistem pendidikan menurut Mahmud Yunus mestilah memperhatikan aspek psikologi, gabungan antara teori dan praktik, adanya makmal, asrama dan bahasa asing sebagai bahasa pengantar. Pandangan beliau yang paling penting tentang metode mengajar ialah *al-tariqah ahammu min al-maddah* (metode itu lebih penting daripada material). Aspek tujuan dan kurikulum pendidikan Islam menurut Mahmud Yunus ialah untuk kecerdasan dan kecekapan pelajar untuk hidup di dunia dan akhirat, sedangkan dalam aspek kurikulum mesti ada gabungan ilmu bahasa Arab pada semua pelajarannya. Oleh itu, idea dan gagasan Mahmud Yunus tentang pendidikan Islam di Indonesia bersifat menyeluruh, kerana di samping sebagai seorang ahli akademik dan pengamal/praktisi, beliau juga seorang pegawai Kementerian Agama yang selalu berfikir tentang kemajuan pendidikan Islam. Sehingga dapat dikatakan bahawa idea dan konsep pendidikan yang dikemukakan oleh Mahmud Yunus selalu diambil daripada idea empirik. Idea dan gagasan Mahmud Yunus dalam artikel ini hanyalah mendedahkan tentang pembaharuan pendidikan Islam secara dinamiknya di Indonesia. Pembaharuan pemikiran tersebut muncul selari dengan kondisi pendidikan di Indonesia pada zaman itu dan kedudukan Mahmud Yunus ketika itu sebagai seorang pegawai kerajaan di Indonesia.

Artikel lain adalah tulisan Armai Arief (2009) yang menjelaskan tindakan Mahmud Yunus dalam dunia pendidikan, sebelum berangkat ke Mesir, semasa di Mesir dan selepas pulang dari Mesir, terutamanya berkaitan dengan pembaharuan pengajaran bahasa Arab di Indonesia. Armai Arief menyimpulkan bahawa Mahmud Yunus adalah seorang tokoh terkehadapan dalam proses pembaharuan pendidikan Islam di Indonesia, terutama dalam metode pengajaran bahasa Arab.

Ramayulis & Samsul Nizar (2010) mengkaji salah satu pemikiran tokoh pendidikan Islam di Indonesia, iaitu pemikiran Mahmud Yunus tentang pendidikan. Kesimpulan Ramayulis dan Syamsul Nizar tentang Mahmud Yunus adalah dia seorang tokoh terkehadapan dalam proses pembaharuan pendidikan di Indonesia, terutama membuat pembaharuan dalam menjelaskan tujuan, sistem dan kaedah, terutama dalam pengajaran bahasa Arab.

Dari beberapa kajian dan penyelidikan di atas, dapat disimpulkan bahawa sehingga kini, penyelidik baru sahaja menemui beberapa kajian dan penyelidikan berkaitan sumbangan dan pemikiran Mahmud Yunus tentang pendidikan Islam, bahasa Arab dan metode pembelajarannya, serta model penafsirannya terhadap al-Quran al-Karim. Manakala dari aspek pemikiran fiqh Mahmud Yunus pula, belum wujud lagi kajian terhadap tokoh ini. Oleh sebab itu, menurut hemat penyelidik penyelidikan ini perlu dikaji secara terperinci dan mendalam.

Di samping itu, penyelidikan dan kajian tentang pemikiran fiqh/hukum Islam di Indonesia khususnya dan dunia Islam umumnya, dengan mengangkat martabat tokoh yang terlibat di dalamnya belum menjadi perhatian penyelidik sebelum ini. Akibatnya fikiran dan idea baru yang pernah muncul di Indonesia belum tersusun dengan baik. Kenyataan ini melambatkan perkembangan dan pembaharuan pemikiran dalam bidang fiqh/hukum Islam itu sendiri kerana pembaharuan pemikiran memiliki aspek kesinambungan dan pengembangan. Dengan kata lain, setiap kali berlaku pembaharuan pemikiran, maka mestilah berkait dengan pemikiran-pemikiran yang pernah ada sebelumnya. Oleh sebab itu, penyelidikan terhadap Mahmud Yunus sebagai seorang tokoh dan ulama/mujtahid di Indonesia amat menarik untuk dikaji secara mendalam dan menyebabkan penyelidik beranggapan bahawa penyelidikan ini boleh diteruskan.

BIODATA MAHMUD YUNUS

Mahmud Yunus dilahirkan di Nagari Sungayang, Batusangkar, Kabupaten Tanah Datar, Sumatera Barat pada hari Sabtu bertarikh 30 Ramadan 1316 Hijriah bersamaan dengan tarikh 10 Februari 1899 Masihi. Tanah kelahirannya ini berada lebih kurang 7 KM dari Kota Batusangkar iaitu ibu kota Kabupaten Tanah Datar dan 12 KM dari Nagari Pagaruyung iaitu pusat Kerajaan Minangkabau ketika dahulu. Secara adat dan budaya, tanah kelahirannya ini sentiasa memegang teguh nilai-nilai adat dan agamanya dalam kehidupan sehari-hari yang selari dengan falsafah hidup orang Minangkabau: *Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah (ABS-SBK)*, dengan maksud adat bersendikan 'shara', 'shara' bersendikan Kitabullah, iaitu al-Quran.

Mahmud Yunus dilahirkan dari keluarga terkemuka dan terkenal di Nagari Sungayang. Ayahnya bernama Yunus bin Incek (dari suku Mandailing). Di samping menjadi guru di *surau* kampungnya, ayahnya juga menjadi imam menurut adat dalam nagari (dikenal dengan sebutan Imam Nagari). Ibu Mahmud Yunus bernama Hafsa binti Imam Sami'un (dari suku Chaniago). Ibu Hafsa bernama Doyan binti Muhammad Ali, manakala abang Hafsa bernama Syekh Muhammad Ali, bergelar *Engku Kolok*, seorang ulama yang cukup popular di Sungayang pada masa itu. Oleh itu, secara salasilahnya Mahmud Yunus boleh dikatakan berketurunan seorang ulama di Sungayang.

Saudara lelaki Hafsa (ibu Mahmud Yunus) bernama Ibrahim dengan gelaran *Dt. Sinaro Sati*, seorang saudagar kaya di Batusangkar pada masa itu. Ibrahim sangat memberi perhatian dengan bakat serta kecerdasan yang dimiliki oleh anak saudaranya ini. Dialah yang mendorong Mahmud untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negeri dan membiasai dana untuk keperluan itu. Hal ini memberikan gambaran tentang tanggungjawab seorang bapa saudara terhadap anak saudara yang berlaku di Minangkabau pada masa itu sebagaimana pepatah adat yang berbunyi: *Anak dipangku, kamanakan dibimbing, urang kampuang dipatenggangkan* (anak dipangku, kemenakan dibimbang, orang kampung dipatenggangkan). Ia merupakan suatu kelaziman yang berlaku ketika itu bahawa tanggungjawab bapa saudara terhadap anak saudara bukanlah didasarkan atas ketidakmampuan dari ayah anak itu sendiri.

Sebagai putera dari *ranah minang*, Mahmud Yunus hidup dan dibesarkan dalam masyarakat yang sentiasa memegang teguh nilai adat Minangkabau. Ketika usianya beranjak 7 tahun, beliau mula pergi

belajar di *surau*, selayaknya bagi seorang lelaki Minang masa itu secara umumnya. Mahmud Yunus belajar mengaji dan ilmu asas Islam pada waktu pagi dan malam dari satu *surau* ke *surau* yang lain. Bermula dengan belajar daripada saudaranya sendiri, Muhammad Thaher bin Muhammad Ali dengan gelar *Engku Gadang*. Kebetulan saudaranya itu (saudara lelaki Doyan binti Muhammad Ali/ibu Hafsa) memiliki *surau*, yang bernama *Surau Talang*. Setelah khatam al-Quran, Mahmud diberi kepercayaan oleh saudaranya untuk menjadi guru pembantu untuk mengajari anak-anak yang menjadi pelajar sambil mempelajari dasar-dasar tata bahasa Arab (ilmu *saraf*) dengan saudaranya.

Pada tahun 1908, masyarakat Nagari Sungayang mendirikan sekolah desa yang bertempat di *surau* masjid di bawah *Balai Senayan*. Mahmud pun tertarik untuk memasuki sekolah ini. Dengan demikian Mahmud mula bersekolah di *surau* masjid itu. Beliau mengikuti pelajaran di sekolah desa pada waktu siang, tanpa meninggalkan tugas-tugasnya di *surau* saudaranya mengajar al-Quran pada waktu malam. Semasa berada di kelas empat sekolah desa tersebut, Mahmud menunjukkan ketidakpuasannya terhadap mata pelajaran, kerana pelajaran yang diberikan di kelas empat boleh dikatakan hampir sama sahaja dengan pelajaran kelas tiga dahulu.

Pada masa yang sama, Syekh Haji Muhammad Thaib Umar membuka Madras School (Sekolah *Surau*) di *Surau Tanjung Pauh* Sungayang. Di madrasah ini Mahmud mempelajari pelbagai pelajaran iaitu: ilmu *nahwu* (memakai Kitab *Durus al-Nahwiyyah*), ilmu *saraf* (memakai papan tulis sahaja tanpa kitab), berhitung (menurut sistem ahli hisab Arab/sistem faraid) dan bahasa Arab (dengan mengadakan sesi komunikasi). Beliau belajar setiap hari di sekolah tersebut bermula dari pukul 09:00 pagi hingga pukul 12:00 tengahari, manakala pada malam harinya beliau tetap mengajar al-Quran sebagai guru pembantu di *surau* saudaranya.

Oleh kerana keinginan dan kemauhan belajar yang cukup tinggi pada diri Mahmud Yunus, akhirnya pada bulan Mei tahun 1911 Masihi bersamaan dengan bulan Jamadil Awal 1329 Hijriah, Mahmud menarik diri dari *surau* saudaranya. Kemudian menggunakan masa sepenuhnya siang dan malam untuk mempelajari ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab secara lebih mendalam dengan Syekh Haji Muhammad Thaib Umar terutama ilmu fiqh di *Surau Tanjung Pauh* itu. Pada waktu siang belajar di Madras School sehingga zohor, selepas zohor sehingga waktu malam, belajar ilmu fiqh, iaitu Kitab *Fathu al-Qarib*.

Beliau belajar dengan rajin dan tekun dengan ulama pembaharuan ini, sehingga menguasai ilmu-ilmu agama dengan baik. Pada tahun 1913, Mahmud telah menjadi guru pembantu (guru tua kecil) yang telah mempunyai murid sekitar 5-6 orang. Mahmud bukan sahaja mengajar kitab-kitab yang telah dipelajarinya, bahkan juga mengajar kitab-kitab yang belum pernah dipelajarinya walaupun kitab-kitab tersebut agak sukar dan tidak sesuai bagi usia sepertinya. Di samping itu, sebagai salah seorang guru tua di *surau* itu, beliau juga mula belajar secara langsung dengan Tuan Syekh bersama-sama guru-guru tua yang lain dalam satu halaqah. Menurut Mahmud, mempelajari ilmu fiqh secara totaliti merupakan suatu kemestian. Bukan secara sebahagian sahaja. Oleh sebab itu, selepas belajar satu kitab fiqh dengan seorang guru, maka mesti dikembangkan dengan belajar kepada kitab-kitab lain secara sendiri atas dasar prinsip-prinsip yang telah diajarkan dan ditunjuk oleh guru.

Selepas beberapa lama berjalannya proses pembelajaran Mahmud Yunus di Madras School, pada tahun 1917 semasa Syekh H. Muhammad Thaib Umar sedang sakit, Mahmud Yunus secara langsung ditugaskan untuk menggantikan gurunya untuk mengajar dan memimpin Madras School tersebut.

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, tumbuh gerakan pembaharuan Islam di Minangkabau yang dibawa oleh putera-putera Minangkabau alumni Timur Tengah, khususnya Makkah al-Mukarramah yang pernah belajar bersama Syekh Ahmad Khatib al-Minangkabawi. Ini merupakan impak daripada pemergian mereka sebelum ini untuk belajar dan menuntut ilmu di pusat Islam itu dan tidak dapat dinafikan bahawa pemergian mereka itu merupakan sebahagian daripada budaya orang Minangkabau yang suka pergi merantau dan menuntut ilmu ke daerah lain. Di samping itu juga, terdapat sokongan daripada kefahaman dan pengamalan keagamaan yang cukup tinggi, serta keteguhan mereka untuk sentiasa berpegang dengan nilai-nilai filosofi adat Minangkabau; *adat basandi syarak, syarak basandi Kitabullah*.

Mahmud Yunus mulai terlibat dalam gerakan pembaharuan ketika berlangsung rapat besar alim ulama Minangkabau di *Surau Jembatan Besi Padang Panjang* pada tahun 1919. Pada pertemuan akbar itu, Mahmud Yunus hadir sebagai wakil daripada gurunya yang sedang sakit, Muhammad Thaib Umar. Kesannya, pertemuan itu telah mempengaruhi pola pemikiran Mahmud Yunus, terutama berkat pandangan-pandangan yang dikemukakan sejumlah tokoh pembaharu seperti H. Abdullah Ahmad, H.

Abdul Karim Amrullah, dan ulama-ulama lain. Daripada pertemuan itu juga diputuskan untuk mendirikan sebuah perkumpulan/pertubuhan yang bernama Persatuan Guru Agama Islam (PGAI) dan boleh dikatakan bahawa Mahmud Yunus adalah salah seorang anggota *muassis* PGAI semenjak mula ditubuhkan sehingga sekarang. Hal ini dapat dikatakan sebagai petanda bahawa Mahmud Yunus dapat duduk bersama *duduk sama rendah, tegak sama tinggi* membincangkan kepentingan-kepentingan umat Islam di tengah para ulama/intelektual Islam senior ketika itu di Minangkabau.

Didikan langsung oleh Syekh Haji Muhammad Thaib Umar dan interaksi yang kian meningkat dengan jaringan ulama pembaharu tersebut telah ‘memprovokasi’ Mahmud Yunus supaya menimba pengetahuan dengan lebih jauh lagi. Beliau berkeinginan dan mempunyai kemahuan yang kuat untuk belajar di “pusat Islam” itu sendiri. Beliau belum merasa puas dan senang hati terhadap wawasan dan keilmuan yang diperolehi selama ini, bahkan hal ini menjadi spirit dan motivasi tersendiri baginya untuk lebih mendalami dan memperluaskan lagi ilmu-ilmu keislamannya. Untuk itu, Mahmud berkeinginan untuk melanjutkan pendidikannya ke tahap yang lebih tinggi ke negara Timur Tengah, iaitu di Mesir. Keinginan ini muncul setelah beliau berkesempatan menuaikan ibadah haji ke Makkah. Terdapat dua alasan/tujuan penting Mahmud Yunus mahu menyambung pengajian ke Timur Tengah, khususnya Mesir, iaitu:

1. Menambah ilmu pengetahuan, terutama pengetahuan umum yang sering diajar di sekolah-sekolah menengah umum. Ini kerana gurunya menganjurkan supaya pelajar-pelajar madrasah mempelajari ilmu pengetahuan umum selain mempelajari ilmu pengetahuan agama. Apakah lagi salah seorang saudaranya juga ada mengatakan: “*Akhir orang-orang dahulu adalah awal orang kemudian.*” Maksudnya, seseorang pada masa sekarang sepatutnya mempunyai lebih nilai dibandingkan dengan orang-orang sebelumnya. Sekiranya ilmu-ilmu orang yang kemudian sama sahaja dengan ilmu orang-orang terdahulu, maka negara tidak akan maju. Oleh sebab itu, ilmu orang yang terkemudian mesti lebih tinggi daripada ilmu orang-orang terdahulu.
2. Menyelidik keadaan ulama-ulama di Mesir sama ada terdapat ulama kaum muda dan ulama kaum kuno seperti di Indonesia atau tidak. Tambahan pula mahu mempelajari dalil-dalil mereka dan mengenalpasti dalil yang lebih kuat.

Berkat kegigihannya, pada tahun 1924, Mahmud Yunus berdaftar sebagai salah seorang pelajar Indonesia yang belajar di Al-Azhar Universiti. Mahmud secara bersemangat mengikuti semua prosedur akademik yang telah ditetapkan, bermula dengan menghadiri kelas dalam subjek tertentu sehingga kepada mengikuti aktiviti-aktiviti saintifik di universiti tersebut. Setelah satu tahun, Mahmud Yunus menghadapi peperiksaan akhir untuk menamatkan pendidikan di Al-Azhar dan mendapatkan Shahadah Alimiyyah (gelaran alim dan syekh/ulama al-Azhar) yang merupakan ijazah tertinggi di Al-Azhar semasa itu. Terdapat 12 cabang ilmu yang diuji dalam peperiksaan akhir tersebut dan Mahmud Yunus berjaya lulus, *mabruk*, dengan hasil yang amat memuaskan. Beliau merupakan orang Indonesia yang kedua mendapat shahadah alimiyyah. Oleh sebab itu, ini boleh dikatakan sebagai salah satu prestasi khas bagi mengiktiraf kemampuan Mahmud dalam bidang ilmu agama Islam untuk menamatkan pengajian tinggi di Al-Azhar Universiti.

Keinginan untuk lebih menguasai ilmu keislaman dilihat jelas dalam diri Mahmud. Bermodalkan ijazah shahadah alimiyyah daripada Al-Azhar Universiti, Mahmud amat termotivasi untuk melanjutkan pendidikannya ke peringkat yang lebih tinggi dan penguasaan terhadap ilmu pengetahuan umum dan ilmu-ilmu lain. Dalam usaha memenuhi keinginan tersebut, Mahmud mendaftar sebagai pelajar di Darul Ulum Ulya yang disyorkan oleh Syekh ‘Ilid (Al-Azhar Universiti) dan diterima sebagai pelajar di kelas pada waktu malam. Beliau merupakan orang Indonesia pertama yang memasuki Darul Ulum. Setelah empat tahun belajar di Darul Ulum Ulya ini, Mahmud menduduki peperiksaan kelayakan untuk mendapat ijazah/sijil Darul Ulum. Keputusan dari peperiksaan ini, Mahmud telah lulus dan layak mendapat ijazah/sijil dari Darul Ulum. Persyaratan nilai sastera Arab sekurang-kurangnya 60% berjaya diperolehi oleh Mahmud dengan nilai 67%. Manakala prestasi Mahmud dalam subjek *insya*, Mahmud memperolehi nilai 7. Suatu nilai yang cukup tinggi masa itu, kerana nilai setinggi itu amat jarang diperolehi oleh mana-mana pelajar. Pencapaian lain yang diperolehi oleh Mahmud selama empat tahun di Darul Ulum adalah sebagai satu-satunya pelajar asing yang sempat menamatkan perkuliahan hingga peringkat keempat. Di samping itu, selama di Darul Ulum, Mahmud juga pelajar yang dikecualikan daripada membayar yuran kuliah dan belanja makan. Pengecualian ini diperolehi atas syor yang dibuat oleh Menteri Pendidikan Mesir pada masa itu kepada Pimpinan Darul Ulum. Pengesyoran ini pula

diperolehi setelah Menteri tersebut terkesan dengan surat rayuan yang dibuat oleh Mahmud dengan melampirkan buku bahasa Arab hasil karangannya sendiri sebagai rekod prestasinya selama berada di Mesir, di samping alasan-alasan lain. Atas dasar ini boleh dikatakan bahawa Mahmud adalah orang Indonesia pertama yang belajar di Mesir dengan tajaan.

Selepas menjalani pendidikan dan menimba pelbagai pengalaman di Mesir, iaitu belajar di Al-Azhar Universiti dan Darul Ulum Ulya, pada bulan Oktober tahun 1930 Mahmud kembali ke tanah airnya, Indonesia. Perjalanan pulang ke Indonesia adalah melalui Singapura yang disambut oleh seorang ulama yang termasyhur bernama Syeikh Ahmad Thaher Djalaluddin dan H. M. Kasim Bakri.

Selepas pulang dari Mesir, aktiviti Mahmud Yunus lebih fokus kepada dunia pendidikan sebagai seorang guru/pendidik. Pelbagai institusi pendidikan ditubuhkan dan diperbaharui oleh Mahmud Yunus, demi untuk memajukan pendidikan rakyat pribumi yang didiskriminasikan dan diabaikan oleh penjajah pada masa itu, bahkan beliau mendirikan sebuah pengajian tinggi di Minangkabau. Idea dan semangat perubahan pengajaran yang diterapkannya dalam institusi-institusi tersebut dapat dilihat dengan adanya kemajuan bagi rakyat pribumi dalam bidang pendidikan.

Di samping itu, Mahmud Yunus juga turut mendirikan Majlis Islam Tinggi Minangkabau sebagai wadah persatuan alim ulama seluruh Minangkabau. Pada tahun 1943 Mahmud Yunus dipilih sebagai penasihat Residen mewakili Majlis Islam Tinggi dan pada tahun itu juga menjadi anggota Chu Sangi Kai. Ketika menjadi anggota Chu Sangi Kai inilah Mahmud Yunus mengusahakan supaya dimasukkan pendidikan agama di sekolah-sekolah kerajaan dan *alhamdulillah* usaha tersebut berjaya. Melalui Majlis Islam Tinggi Minangkabau ini juga Mahmud Yunus menjadi salah seorang delegasi alim ulama Minangkabau untuk menghadiri Muktamar Alim Ulama di Singapura (bersama Syekh Haji Sulaiman Ar-Rasuli, Syekh Haji Ibrahim Musa, A.R. Sutan Mansur dan Haji Sirajuddin Abbas).

Selepas Indonesia merdeka, Mahmud Yunus sentiasa bertugas sebagai seorang pendidik (guru/dosen) dan penguat berdirinya beberapa pengajian tinggi di Indonesia sekaligus menjadi pimpinannya. Di samping itu, beliau juga diamanahkan sebagai Anggota Pengurus Komite Nasional Sumatera Barat, Anggota Komite Nasional Sumatera, Ketua Mahkamah Syariyyah Propinsi Sumatera, Setia Usaha Menteri Agama Pemerintah Darurat Republik

Indonesia (PDRI) dan pimpinan bagi pelbagai jawatan yang menjurus kepada Kementerian Agama.

Keprihatinannya terhadap pendidikan agama di pelbagai institusi pendidikan agama masa itu membuatkan Mahmud Yunus berjuang dan berusaha untuk memajukan pendidikan agama tersebut. Bukan hanya untuk madrasah/pesantren sahaja, akan tetapi juga untuk sekolah-sekolah umum. Situasi dan keadaan bangsa Indonesia yang baru sahaja merdeka belum kondusif dalam pelbagai aspek, bahkan terkesan dengan adanya gabungan dengan kepelbagaian agama, kecenderungan politik, ras dan sebagainya. Oleh sebab itu, pelbagai idea dan pemikiran tentang pendidikan agama sentiasa dikumpul, dirumuskan, dikombinasikan dan dikendalikan oleh Mahmud Yunus supaya menjadi peraturan/undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan untuk boleh menyokong kemajuan pendidikan agama di Indonesia.

Sejak terlibat dengan aktiviti dan peranan di atas, ada beberapa jawatan penting yang pernah dipegang oleh Mahmud Yunus, iaitu Direktur Al-Jami'ah Al-Islamiyyah di Sungayang Batusangkar (1931–1932), Direktur Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyyah (KMI) Normal Islam di Padang (1932 – 1946), Direktur Sekolah Islam Tinggi (SIT) di Padang (1940 – 1942), Direktur Sekolah Menengah Islam (SMI) di Bukittinggi (1946), Kepala/Pegawai Kerajaan pada Kementerian Agama RI (1947 – 1956), Dekan pada Pengajian Tinggi/ADIA di Jakarta (1957 – 1960), dan Rektor IAIN Imam Bonjol di Padang (1966 – 1970).

Mahmud Yunus semasa hidupnya dikenali sebagai seorang penulis dan pengarang yang produktif. Menurut anaknya, Mahdi Mahmud, hal ini menjadi rutin sehari-hari beliau setelah selesai solat subuh sehingga pukul 10 pagi. Aktivitinya dalam menghasilkan karangan-karangan dalam pelbagai bidang keislaman sama penting dengan aktivitinya dalam dunia pendidikan Islam. Populariti Mahmud Yunus, khususnya di Indonesia, lebih banyak dikenali daripada hasil karyanya yang berjumlah lebih kurang 82 buah. Setelah lebih kurang 83 tahun Mahmud Yunus menjalani kehidupan, berkhidmat untuk umat dan berkhidmat sebagai pegawai kerajaan di Indonesia, akhirnya pada hari Sabtu tarikh 20 Rabiul Awal 1402 Hijriah bersamaan dengan tarikh 16 Januari 1982 Masihi Mahmud Yunus kembali ke rahmatullah di Jakarta.

Profil dan keteladanan Mahmud Yunus sentiasa menjadi acuan bagi kerabat, murid dan bangsa Indonesia hingga saat ini. Sikap *wara'*, *tawadhu'*, dan istiqamahnya dalam kepentingan dan kemaslahatan umat Islam sentiasa menjadikan beliau sebagai tokoh

yang sukar untuk dilupakan. Begitu juga, kepintaran dan kegigihannya yang tidak pernah menyerah dalam menggapai cita-citanya. Para muridnya tersebar di pelbagai daerah dan ramai di antaranya menjadi orang berpengaruh di Indonesia ketika ini, seperti K.H. Imam Zarkasyi (pendiri Pondok Pesanteren Modern Darussalam Gontor), Prof. Dr. H. Amir Syarifuddin (Guru Besar IAIN Imam Bonjol Padang), Prof. Dr. H. Muardi Chatib (Guru Besar UIN Syarif Hidayatullah Jakarta), dan sebagainya.

PEMIKIRAN FIQH MAHMUD YUNUS

Sebagai seorang tokoh yang popular di Indonesia, Mahmud Yunus sentiasa menyalurkan idea dan pemikirannya melalui karya-karyanya dalam pelbagai bidang keislaman. Dalam bidang fiqh/hukum Islam, Mahmud Yunus telah melahirkan karyanya dalam bentuk buku sebanyak 17 buah. Apabila ditelaah dan dikaji semua karya tersebut, maka tergambar corak pemikiran Mahmud Yunus dalam bidang fiqh/hukum Islam yang dapat diklasifikasikan dan dihuraikan seperti berikut:

RUANG LINGKUP KAJIAN DAN KANDUNGAN FIQH

Dalam karya-karya fiqhnya, Mahmud Yunus membahas pelbagai aspek kajian dan kandungan dalam ilmu fiqh, terutama hukum fiqh asas dan amali yang bersifat praktikal bagi umat. Sehingga boleh dikatakan bahawa semua ruang lingkup kajian dan kandungan fiqh sebagaimana yang diketahui dalam ilmu fiqh pada umumnya juga dikaji dan dibahas oleh Mahmud Yunus.

Perbahasan fiqh yang didebak oleh Mahmud Yunus berserta contohnya dikemukakan dengan bahasa yang sederhana dan mudah difahami selari dengan tahap, tujuan dan peruntukan karya tersebut. Bermula daripada buku-buku untuk pelajar dan masyarakat awam, sehingga ke peringkat mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Hal ini dilihat daripada kandungan thaharah, solat, puasa, zakat, waris, haji dan sebagainya. Di samping itu, Mahmud Yunus juga mendedahkan kandungan-kandungan fiqh tersebut secara menyeluruh dan tuntas, sehingga dapat dijadikan sebagai acuan dan pedoman bagi umat dalam beramal. Bahkan adakalanya disertai dengan gambar daripada ketentuan fiqh tersebut dalam beramal.

Sebagai contoh dapat dikemukakan ketika Mahmud Yunus membahas tentang fiqh solat.

Mahmud Yunus mendedahkannya bermula dari aturan dan tatacara taharah sebagai *muqaddimah* solat, azan dan iqamah, rukun dan syarat solat, tatacara solat serta bacaan-bacaannya (disertai dengan penjelasan erti perkataan bacaan itu dan tafsirannya), perkara yang disunatkan dalam solat, tatacara solat berjemaah, solat-solat sunat, solat ‘id, rukhsah dalam pelaksanaan solat, sujud sahw, tayammum, zikir/doa selepas solat, faedah solat, solat mayat dan sebagainya.

Ketentuan dan tata carasolat yang dihuraikannya tidak hanya dikaji menurut fiqh berdasarkan al-Quran dan Sunnah, akan tetapi dikaji daripada aspek dan tinjauan tasawuf, seperti persoalan khusyuk dalam solat. Menurut Mahmud Yunus, khusyuk bermaksud menghadapkan hati kepada Allah dalam solat dengan memperhatikan makna bacaan solat itu. Apa sahaja yang dibaca dengan mulut, diingat maksudnya dalam hati. Oleh sebab itu, perlu dihafal bacaan solat itu bersama maksudnya. Khusyuk itu amat diperlukan dalam solat, sebaik-baiknya dari awal solat sehingga ke akhirnya dan tidak ada ingatan lain dalam solat itu, melainkan hanya kepada Allah semata-mata dalam rangka mengabdi dan memohon kepada-Nya.

Mengenai status hukum khusyuk dalam solat, Mahmud Yunus berpendapat bahawa khusyuk dalam solat menurut fiqh hukumnya adalah sunat. Akan tetapi dalam perspektif dan tinjauan tasawuf hukumnya adalah wajib, bahkan menjadi roh dan jiwa daripada solat itu sendiri. Solat tanpa khusyuk adalah solat tanpa roh dan jiwa. Oleh sebab itu, wajiblah kita berusaha bersungguh-sungguh agar kita sentiasa khusyuk dalam solat, seolah-olah kita sedang berada di hadapan Allah. Kalau kita tidak melihat-Nya, Dia lah yang melihat kita. Mungkin inilah yang dinamakan dengan *ihsan* sebagaimana yang dijelaskan oleh Nabi SAW selepas beliau menerangkan erti iman dan Islam kepada para sahabatnya.

FIQH ISU SEMASA/KONTEMPORARI

Sebagai kesan dan impak daripada kemajuan dan perubahan zaman, Mahmud Yunus juga sentiasa membincangkan pelbagai amalan dan persoalan fiqh yang berkait dengan isu semasa/kontemporari. Sama ada belum ada ketentuannya dalam fiqh atau telah ada namun perlu dikembangkan dan dibuat beberapa penyesuaian yang selaras dengan situasi dan keadaan umat/*mukallaf* pada masa itu. Antara aspek persoalan fiqh yang berkait dengan isu semasa/kontemporari yang pernah dibahas dan dikaji oleh Mahmud Yunus dalam karyanya adalah persoalan ibadah, perkahwinan, kesihatan, kewanitaan dan

kemasyarakatan dengan pelbagai persoalan yang ada padanya.

Sebagai contoh dapat dikemukakan tentang ketentuan hukum memindahkan (transfusi) darah dari orang yang sihat kepada orang yang sakit. Menurut Mahmud Yunus, pada dasarnya darah itu adalah najis berdasarkan *nas* al-Quran dalam Surah al-Nahl (16): 115 seperti berikut:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mengharlamkan atasmu bangkai, darah dan daging babi.

Namun demikian, apabila dalam situasi dan keadaan *darurat*, seperti seseorang dalam keadaan sakit hendak menggunakan darah orang lain sebagai ubat dan membantu jiwanya yang terancam kerana tidak terdapat ubat suci lain yang dapat mengubatinya atau mengantikan darah itu. Maka ketika itu menurut Mahmud Yunus halal memindahkan (transfusi) darah dari orang yang sihat kepada orang yang sakit tersebut.

Contoh lain yang dapat penyelidik kemukakan adalah ketentuan hukum Islam tentang hukum menonton filem-filem Amerika yang separuh bogel. Menurut Mahmud Yunus, menonton gambar/filem tersebut, tidak haram hukumnya, kerana yang haram ialah melihat zat wanita yang separuh bogel, bukan gambarnya. Antara alasan yang dikemukakan beliau adalah dalam kitab-kitab fiqh ada disebutkan bahawa melihat wanita dalam kaca (cermin) tidak haram hukumnya, kerana hanya melihat bayangan perempuan, bukan zatnya. Berbeza halnya dengan melihat wanita dibalik kaca mata, maka demikian itu haram hukumnya, kerana memang zat wanita itu sendiri yang dilihat. Hikmah dan *'illat* pengharaman melihat gambar/filem separuh bogel tidak ada langsung kerana tidak akan terjadi perbuatan maksiat antara lelaki yang menonton dengan gambar/filem wanita yang dilakukan di Amerika. Oleh sebab itu tidak dapat diqiyaskan melihat gambar/filem wanita dengan melihat zat perempuan itu sendiri, maksudnya tidak ada persamaan *'illat* antara *magis* dengan *magis* alaih. Akan tetapi apabila melihat gambar/filem separuh bogel itu membawa kepada perbuatan kejahanan/jenayah atau kerosakan akhlak, disebabkan pengaruhnya, maka ketika itu haram hukumnya melihat gambar/filem tersebut. Kaedah usul yang beliau kemukakan ialah:

كُلُّ مَا يُؤْدِي إِلَى حَرَامٍ بِتَحْقِيقٍ فَهُوَ حَرَامٌ أَوْ بَطْنُ فَهُوَ مُكْرُوبٌ

Maksudnya: Setiap sesuatu yang menarik kepada perbuatan haram dengan yakin/terang maka hukumnya adalah haram, atau dengan sangkaan maka hukumnya adalah makruh.

MODERAT DAN TERBUKA TERHADAP PERBEZAAN MADHHAB

Dalam usaha menganalisis kajian dan perbahasan pelbagai persoalan fiqh, Mahmud Yunus cuba untuk merujuk dan mendedahkan pendapat dan pandangan daripada pelbagai *madhhab* fiqh yang popular dalam Islam, yakni *Madhhab Hanafi*, *Maliki*, *Syafi'i* dan *Hanbali*. *Madhhab-madhhab* ini dikenali dengan sebutan *madhhab* empat atau *madhhab-madhhab* dalam aliran *sunni*. Selanjutnya satu persatu antara *madhhab* tersebut dikaji dan dibandingkan dengan mengemukakan dalil dan hujah mereka masing-masing.

Tidak hanya terhad kepada *madhhab* yang empat itu, kadangkala Mahmud Yunus dalam kajian dan analisisnya juga berupaya merujuk dan membandingkannya dengan pendapat dan pandangan *madhhab* lain, seperti *Madhhab Zahiri*. Bahkan untuk lebih tepat lagi, Mahmud Yunus adakalanya juga mengutip pendapat ulama kontemporari dunia, seperti pendapat Syeikh Muhammad Abduh, Muhammad Rasyid Ridha, al-Syaukani, dan sebagainya.

Sebagai contoh, dikemukakan tentang ketentuan hukum bagi wanita yang pergi menunaikan ibadah haji ke Makkah tanpa muhrimnya. Menurut Mahmud Yunus, seorang wanita yang pergi menunaikan ibadah haji tanpa didampingi oleh muhrim, hukumnya adalah dibolehkan kerana ada kemaslahatan yang lebih kuat padanya, iaitu pergi menunaikan ibadah haji. Akan tetapi jika wanita tersebut pergi musafir dengan sendirinya tanpa disertai muhrimnya, maka hukumnya adalah haram. Pendapat ini dikemukakan oleh Mahmud Yunus selepas mendedahkan pelbagai pandangan *madhhab* dan pendapat ulama yang ada. Perbezaan pendapat di kalangan mereka adalah berkaitan dengan perkara umum daripada ayat al-Quran tentang haji dan hadis Nabi SAW tentang ketidakbolehan wanita musafir sendirian kecuali disertai muhrimnya.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Mahmud Yunus bahawa menurut *Madhhab Hanafi* wanita hanyalah wajib pergi menunaikan ibadah haji jika disertai oleh suami atau muhrimnya yang baligh lagi berakal. Jika tidak, maka tidak wajib bagi wanita tersebut untuk pergi menunaikan ibadah haji. Sedangkan menurut *Madhhab Syafi'i*, wanita yang mahu pergi menunaikan ibadah haji kerana telah cukup perbelanjaan, ada kenderaan, aman

dalam perjalanan serta terdapat wanita lain yang dipercayai bersamanya, maka wanita itu wajib pergi menunaikan ibadah haji meskipun tidak disertai dengan muhrimnya. Manakala menurut *Madhab* Maliki dan salah satu riwayat dalam *Madhab* Hanbali, wanita wajib pergi menunaikan ibadah haji dan tidak disyaratkan supaya disertai oleh suami atau muhrimnya.

Dari sudut lain, Ibnu Hazm juga berpendapat bahawa seorang wanita tidak semestinya disertai oleh suami atau muhrimnya untuk pergi menunaikan ibadah haji. Berbeza pula halnya dengan Imam al-Syaukani, beliau berpendapat bahawa ibadah haji tidak wajib bagi wanita jika tidak ada suami atau muhrimnya. Sementara sebahagian fuqaha' lain membezakan antara wanita tua dengan wanita muda untuk melakukan perjalanan pergi menunaikan ibadah haji. Apabila wanita tersebut adalah wanita muda, maka disyaratkan mesti disertai oleh suami atau muhrimnya, sedangkan wanita tua tidaklah demikian.

Contoh lain adalah ketentuan hukum bagi orang yang menjatuhkan talak dalam keadaan marah yang telah keluar daripada adat kebiasaannya. Akan tetapi belum sampai pada tahap seperti orang gila yang tidak tahu apa yang dikatakannya. Dalam hal ini, Mahmud Yunus mengemukakan dua pendapat. Pertama, menurut jumhur, talak dalam keadaan tersebut adalah sah. Kedua, menurut *Madhab* Hanafi talak dalam keadaan tersebut adalah tidak sah.

Berdasarkan huraihan dan dua contoh di atas, boleh dikatakan bahawa pemikiran fiqh Mahmud Yunus cenderung bersifat moderat dan terbuka terhadap perbezaan *madhab* serta menunjukkan keluasan ilmunya. Maksudnya Mahmud Yunus memandang perbezaan pendapat dan pandangan terhadap suatu persoalan fiqh adalah suatu hal yang lumrah dan biasa sahaja berlaku, sebab semuanya adalah hasil ijtihad yang kebenarannya bersifat relatif dan termasuk dalam perkara yang bersifat *zanni*. Amalan dan keputusan yang diamalkan diserahkan sepenuhnya kepada individu tertentu sesuai dengan kecenderungan dan keyakinannya dalam beramal. Oleh itu, tidak dibolehkan bagi seseorang memaksa orang lain menerima pendapat dan pandangan sesuatu *madhab* tertentu. Begitu juga, tidak dibolehkan bagi seseorang menyalahkan pendapat dan pandangan orang lain yang berbeza dengannya serta menganggap suatu pendapat dan *madhab* tertentu kolot/tidak moden atau merendahkannya. Namun demikian dalam kajianya, Mahmud Yunus tetap juga melakukan analisis-analisis dalam konteks perbezaan pendapat dan *madhab* tersebut. Ini berdasarkan situasi dan

keadaan sosial masyarakat pada masa itu serta dalam usaha mewujudkan kemaslahatan baginya dan menolak kerosakan/kemudaratannya.

PEMAKAIAN KAEDAH FIQHIYYAH

Pemakaian kaedah fiqhiyyah yang relevan dan *mu'tabar* juga menjadi perhatian serius bagi Mahmud Yunus dalam usaha menyokong pemikiran dan perbahasan fiqh yang dikemukakannya. Pemakaian kaedah fiqhiyyah berfungsi sebagai usaha menghimpun dan mendekatkan hukum yang sama dalam usaha memudahkan pemahaman fiqh. Penghimpunan dan pendekatan hukum yang sama tersebut terhadap perbuatan mukallaf akan berlaku pada sebahagian besar (*aghlabiyyah*) terhadap *juz'iyyah*-nya. Di samping itu, pemakaian kaedah fiqhiyyah akan dapat juga memperkuat hukum yang ada serta menjaga furuk dan khilaf fiqh dalam beramal. Kadangkala boleh difahami juga bahawa pemakaian kaedah fiqhiyyah akan dapat memberikan kepuasan kepada seseorang yang bertanya ketika perbincangan dan penyelesaian sesuatu persoalan dan amalan fiqh.

Sebagai contoh dalam hal ini dapat dikemukakan ketentuan hukum membedah mayat untuk belajar ilmu perubatan atau untuk pemeriksaan penyebab kematian seseorang yang terkena racun. Menurut Mahmud Yunus pada prinsipnya dalam agama Islam, mayat mesti dihormati sebagaimana menghormatinya semasa ia masih hidup. Oleh itu, mayat tidak boleh dihina, dirosak anggota tubuhnya, dipecah tulangnya, dibedah perutnya atau tindakan lain. Akan tetapi, apabila membedah mayat untuk keperluan belajar ilmu perubatan atau untuk pemeriksaan penyebab kematian seseorang yang terkena racun sudah sampai kepada tahap *darurat*, maka perbuatan seperti ini dibolehkan. Hal ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah berikut:

الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ

Maksudnya: Kondisi *darurat* itu membolehkan perbuatan yang diharamkan.

Lebih lanjut, perbuatan yang dibolehkan tersebut hanyalah terbatas sekadar *darurat* itu sahaja dan tidak boleh melebihi kadar *darurat* itu. Jika keperluan tersebut hanya untuk membedah perut mayat sahaja, maka tidak boleh merosak tulang dan anggota tubuh yang lain, begitu juga sebaliknya. Hal ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah berikut:

الضروراتُ تُقدَّرُ بِقَدْرِهَا

Maksudnya: Kondisi *darurat* hanya dibatasi sekadarnya *darurat* itu sahaja.

Dalam perbahasannya, kebolehan perbuatan membedah mayat untuk keperluan belajar ilmu perubatan atau untuk pemeriksaan penyebab kematian seseorang yang terkena racun atas dasar *darurat* didukung oleh dua kaedah fiqhiyyah lain, iaitu:

إِنَّ الْمُحْرَمَ لِذَاهِهِ - وَهُوَ مَا كَانَ ضَارًا بِذَاهِهِ - يَبْاحُ
لِلضُّرُورَةِ

Maksudnya: Sesungguhnya sesuatu perbuatan yang haram kerana zatnya memberi mudharat kerana zatnya- maka dibolehkan kerana *darurat*.

إِنَّ مَا كَانَ مُحْرَمًا لِسَدِ الذُّرْيَةِ يَبْاحُ لِلْمُصْلَحَةِ الرَّاجِحةِ وَ
لَا يُشْرُطُ فِيهِ الْضُّرُورَةِ

Maksudnya: Sesungguhnya sesuatu perbuatan yang haram dalam upaya menutup jalan kepada perbuatan yang haram, maka dibolehkan kerana adanya *maslahah* yang kuat. Dan tidak disyaratkan dalam kondisi *darurat*.

Didasari kepada kedua kaedah fiqhiyyah di atas, menurut hemat penyelidik, Mahmud Yunus mengkategorikan perbuatan membedah mayat untuk keperluan belajar ilmu perubatan atau untuk pemeriksaan penyebab kematian seseorang yang terkena racun termasuk dalam situasi *darurat*. Untuk itu hukum perbuatan tersebut dibolehkan atas dasar *darurat*. Maksudnya, membedah mayat merupakan jalan terakhir daripada persoalan di atas, dan tidak ada jalan lain yang boleh dilakukan kecuali dengan melakukan pembedahan mayat itu.

Contoh lain dalam pemakaian kaedah fiqhiyyah oleh Mahmud Yunus adalah ketentuan hukum perwakilan dalam perkahwinan. Menurut Mahmud Yunus, seseorang boleh mewakilkan kepada orang lain untuk mengakadkan nikah (*ijab*), seperti kepada penghulu, *qadiyy* nikah, dan sebagainya. Begitu juga seseorang calon suami juga boleh untuk mewakilkan kepada orang lain untuk menerima (*qabul*) akad nikah tersebut. Menurutnya, tiap-tiap orang yang berhak melakukan suatu urusan maka ia boleh mewakilkan kepada orang lain untuk melaksanakan urusan itu, kecuali urusan itu tidak boleh digantikan oleh orang lain. Lebih lanjut lagi, orang yang akan menerima wakil adalah orang yang boleh melakukan urusan itu. Oleh itu, seorang wanita dan seorang yang fasik tidaklah dibolehkan menerima wakil sebagai wali

dalam akad perkahwinan (*ijab*), kerana kedua-duanya tidak sah menjadi wali. Berbeza halnya dengan seorang yang fasik yang dibolehkan untuk menjadi wakil bagi calon suami dalam menerima (*qabul*) akad nikah, kerana orang fasik boleh melaksanakan perkahwinan dengan sendirinya. Hal ini berdasarkan kaedah fiqhiyyah berikut:

كُلُّ مَا جَازَ لِلإِنْسَانِ أَنْ يَتَصَرَّفَ بِنَفْسِهِ فِي شَيْءٍ جَازَ لَهُ
أَنْ يَوْكِلْ فِيهِ غَيْرَهُ وَ كُلُّ مَا لَا يَجُوزُ لَهُ أَنْ يَتَصَرَّفَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ لَا يَجُوزُ لَهُ أَنْ يَتوَكِّلْ فِيهِ غَيْرَهُ

Maksudnya: Tiap-tiap sesuatu yang boleh seseorang melaksanakan dengan sendirinya, maka ia boleh menerima wakil terhadap sesuatu itu daripada orang lain. Dan tiap-tiap sesuatu yang tidak boleh seseorang melaksanakan dengan sendirinya, maka ia tidak boleh menerima wakil terhadap sesuatu itu daripada orang lain.

KESIMPULAN

Mahmud Yunus ialah seorang tokoh dan ulama pembaharuan Islam di Indonesia. Di samping popular sebagai tokoh pendidikan, beliau juga boleh dikatakan sebagai seorang ulama/mujtahid di Indonesia yang faham dengan fiqh/hukum Islam. Hal ini dapat dilihat dari karya-karya dan pemikiran fiqhnya, pengalaman antarabangsa, kebolehan lain serta pengakuan ulama lain padanya. Pemikiran fiqhnya menunjukkan bahawa Mahmud Yunus membahaskan pelbagai aspek kajian dan kandungan dalam ilmu fiqh, terutama fiqh yang bersifat asas dan amaliyah praktikal. Perbahasan fiqh yang didedahkannya serta contoh yang dikemukakan dengan bahasa yang sederhana dan senang difahami selari dengan tahap, tujuan, dan peruntukan karya tersebut. Fiqh isu semasa/kontemporari juga tidak luput dari perhatian dan perbincangannya. Begitu juga, sikap moderat dan terbuka terhadap perbezaan *madhab* dilihat dalam penulisan karya-karya fiqh Mahmud Yunus. Rujukan, perbandingan, pandangan, dan ulasan tidak hanya terhad antara *madhab* empat sahaja (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali), akan tetapi adakalanya meluas kepada *madhab* lain serta mengutip pendapat ulama kontemporari dunia dengan tetap melakukan analisis dalam rangka mewujudkan kemaslahatan dan menolak kerosakan/kemudaratan bagi umat. Kemudian, pemakaian kaedah fiqhiyyah yang relevan dan *mu'tabar* juga menjadi perhatian serius Mahmud Yunus dalam menyokong pemikiran fiqhnya.

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abuddin Nata. 2005. *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Ahmad Rifa'i. 2010. *Perjuangan 29 Ulama Besar Ranah Minang*. Padang Panjang: Diniyyah Research Centre (DTC) Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang.
- Akademik Centre, Koleksi Makalah. 2008. Tafsir al-Qur'an al-Karim Mahmud Yunus. <http://pusat-akademik.blogspot.com/2008/10/tafsir-al-quran-al-karim-mahmud-yunus.html>.
- Ali Hasabalah. 1971. *Usul al-Tashri' al-Islamiyy*. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam dalam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: Gunung Agung.
- Amir Syarifuddin. 1993. *Pembaharuan Pemikiran dalam Hukum Islam*. Jakarta: Angkasa Raya.
- Amir Syarifuddin. 1995. *Pengaruh Madhab dalam Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh di Asia Tenggara*. Makalah Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara, Universiti Brunei Darussalam.
- Amir Syarifuddin. 1997. *Usul Fiqh*. Jil. 2. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Armai Arief. 2002. Prof. Dr. H. Mahmud Yunus (Dekan ADIA 1957-1960). Perintis Jalan Menuju terbentuknya IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Dlm. Badri Yatim (ed), *Membangun Pusat Keunggulan Studi Islam: Sejarah dan Profil Pimpinan IAIN Starif Hidayatullah Jakarta 1957-2002*. Jakarta: IAIN Jakarta Press.
- Armai Arief. t.th. Menelisik pembaharuan di minangkabau, <http://www.padang-today.com/?mod=tokoh&today=detil&id=64>.
- Azyumardi Azra. 1998. *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad VII dan VIII*. Cetakan ke-4. Bandung: Mizan.
- Azyumardi Azra. 2000. *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. Cetakan ke-2. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Eddy Pranata. 2008. Prof Mahmud Yunus Pembaharu Pengajaran Bahasa Arab, <http://hembus.multiply.com/>.
- Federspiel, Howard. M. 1996. *Kajian Al-Qur'an di Indonesia: Dari Mahmud Yunus hingga Quraish Shihab*. Jakarta: Mizan.
- Hamka, H. Rusydi & Afif. 1983. *Membahas Soal-soal Islam*. Cet. ke-2. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- al-Jawziyyah, Ibnu Qayyim. 1975. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Vol. 4. Beirut: Dar Jalil.
- al-Jaziri, 'Abd. al-Rahman. 1986. *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhabib al-Arba'ah*. Juz. 5. Beirut: Dar Uhya al-Turath al-'Arabi.
- Ka'bah, Rifyal. 1999. *Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Universitas Yarsi.
- Marthias Duki Padoe. 2010. Risau, siapa pelanjut ulama besar, <http://www.padang-today.com/?mod=berita&today=detil&id=20848>.
- Muhammad Ilham. 2010. Syekh Muhammad Thaib Umar (1874-1920). <http://ulama-minang.blogspot.com/2010/06/syekh-muhammad-thaib-umar-1869-1956.html> yang disadur dari skripsi Helvitanengsih (1994) di Fakultas Sastra Universitas Andalas Padang.
- Nasrun Haroen. 1997. *Usul Fiqh*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- al-Qurtubi, Ibn Rushd. 2003. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ramayulis & Samsul Nizar. 2010. *Ensiklopedi Tokoh Pendidikan Islam: Mengenal Tokoh Pendidikan Islam di Dunia Islam dan Indonesia*. Jakarta: Quantum Teaching.
- Sayyid Sabiq. 1971. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Shamad, Irhash A. 2010. Tokoh Pendidikan Islam, Prof. Dr. H. Mahmud Yunus (1899-1982). <http://irhashshamad.blogspot.com/2008/12/prof-dr-h-mahmud-yunus-dan-perkembangan.html>.
- al-Shaukani, al-Imam Muhammad ibn Ali ibn Muhammad. 1994. *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqiqi min 'Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Shihab, M. Quraish. 2002. *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasial*. Vol. 6. Jakarta: Lentera Hati.
- Tim Peneliti-Penulis FIB-Adab IAIN Padang, Prof. Dr. H. Mahmud Yunus (1899-1992). <http://ulama-minang.blogspot.com>.
- Mahmud Yunus. 1935. *al-Fiqhu al-Wadih*. Juz. 1. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1936. *al-Fiqhu al-Wadih*. Juz. 2. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1937. *al-Fiqhu al-Wadih*. Juz. 3. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1974. *Turutlah Hukum Warisan dalam Islam*. Jakarta: CV. Al-Hidayah.
- Mahmud Yunus. 1978. *Soal Jawab Hukum Islam*. Jakarta: P.T. Hidayakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Hukum Perkawinan dalam Islam*. Jakarta: PT. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Haji ke Mekkah*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Puasa dan Zakat*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Marilah Sembahyang I*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Marilah Sembahyang II*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Marilah Sembahyang III*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1979. *Marilah Sembahyang IV*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. 1980. *Pelajaran Shalat untuk Orang Dewasa*. Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. t.th. *Fiqhu al-Wadih al-Thanawiyy*. t.tp.

Mahmud Yunus. t.th. *Mabadi'u Fiqh al-Wadīh*. t.tp.
 Mahmud Yunus. t.th. *Manasik Haji untuk Orang Dewasa*.
 t.tp.
 Mahmud Yunus. t.th. *al-Masail al-Fiqhiyyah 'ala
 Madhabib al-Arba'ah*. t.tp.
 Mahmud Yunus. t.th. *Riwayat Hidup Prof. Dr. H. Mahmud
 Yunus: 10 Pebruari 1899-16 Januari 1982*. Jakarta:
 PT. Hidakarya Agung.
 al-Zuhayli, Wahbah. 1425 H/2004 M. *al-Fiqh al-Islamiyy
 wa Adillatuhu*. Jil. 4. Damshiq: Dar al-Fikr.
 al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*.
 Beirut: Dar al-Fikr.
 al-Zuhayli, Wahbah. 2005. *al-Wajiz fi al-Fiqh al-Islam*.
 Juz. 2. Damshiq: Dar al-Fikr.
 Zulmardi. 2009. Mahmud Yunus dan Pemikirannya dalam
 Pendidikan. *Ta'dib*. Vol 2, No. 1 (Juni) :11-21.

Temu bual

Abdul Azis Dahlan. 2011. Jakarta. Temu bual, 4 Ogos.
 Amir Syahruddin. 2011. Padang. Temu bual, 21 Okt.
 Amir Syarifuddin. 2011. Padang. Temu bual, 12 Ogos.
 Armai Arief. 2011. Jakarta. Temu bual, 5 Ogos.
 Arpinus. 2011. Batusangkar. Temu bual, 17 Ogos.
 Fachruddin Mahmud. 2011. Jakarta. Temu bual, 3 Ogos.

Hasan Zaini. 2011. Batusangkar. Temu bual, 16 Ogos.
 Irhas A. Shamad. 2011. Padang. Temu bual, Nop.
 Mafri Amir. 2011. Jakarta. Temu bual, 3 Ogos.
 Mahdi Mahmud. 2011. Jakarta. Temu bual, 8 Ogos.
 Muardi Chatib. 2011. Jakarta. Temu bual, 4 Ogos.
 Munira Hanim & Neni. 2011. Batusangkar. Temu bual,
 27 Julai.
 Nila Fachruddin Mahmud. 2011. Jakarta. Temu bual, 3
 Ogos.
 Salman Harun. 2011. Jakarta. Temu bual, 6 Ogos.

Eficandra Masril
 Mohd. Nasran Mohamad
 Muhammad Adib Samsudin
 *Anwar Fakhri Omar
 Jabatan Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E.
 MALAYSIA
 *afo@ukm.my